



# NOTIS PRIVASI

Kami, Celcom Timur (Sabah) Sdn. Bhd. (No. Syarikat.: 331030-A), Pemegang Lesen di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, dengan pejabat berdaftar di Lot 100, Blok K, Lorong Plaza Permai 2, Alamesra, Sulaman-Coastal Highway 88400 Kota Kinabalu, Sabah (“CT SABAH”), menyediakan perkhidmatan rangkaian gentian optik di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. CT SABAH menghargai privasi anda dan komited terhadap melindungi data peribadi anda berlandaskan pematuhan undang-undang di Malaysia.

Notis Privasi ini terguna pakai untuk pemprosesan data peribadi anda apabila anda mengunjungi laman sesawang kami atau melanggan atau meneruskan langganan perkhidmatan kami. CT SABAH hanya akan memproses data peribadi milik anda berdasarkan undang-undang berkaitan data peribadi termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“Akta tersebut”), Notis Privasi ini, dan/atau Kontrak antara anda dan CT SABAH.

Privasi anda penting bagi kami, oleh itu sila luangkan masa untuk memahami amalan privasi kami.

## **1. Jenis data peribadi yang diproses dan bagaimana kami menggunakan data peribadi anda**

Untuk melengkapkan urusan transaksi, menguruskan pertanyaan-pertanyaan anda, menyediakan perkhidmatan dan menjalankan tujuan lain yang diperlukan untuk mengendali dan menyenggara perniagaan kami bersama anda, kami perlu untuk memproses data peribadi anda.

Bagi tujuan Notis Privasi ini:

“data peribadi” bermaksud mana-mana maklumat berkaitan dengan pelangan CT SABAH yang telah diberikan atau disediakan kepada CT SABAH menurut kontrak pelanggan dengan CT SABAH seperti nama, no. kad pengenalan/passport, alamat, maklumat mengenai urusan pelanggan dengan CT SABAH seperti maklumat perhubungan, maklumat kad kredit/debit dan butiran akaun bank, baki akaun dan sejarah pembayaran. Perkataan “anda”, dan “pelanggan” merangkumi bekas pelanggan, pelanggan semasa dan bakal pelanggan CT SABAH.

“data peribadi sensitif” merangkumi maklumat seperti kesihatan atau keadaan fizikal atau mental pelanggan, pandangan politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang sama sifatnya, perlakuan atau dakwaan perlakuan apa-apa kesalahan atau apa-apa data peribadi lain yang ditentukan oleh undang-undang.

“proses/memproses” bermaksud berkaitan dengan data peribadi, merangkumi mengumpul, merekod, memegang atau menyimpan data peribadi atau menjalankan apa-apa operasi atau set operasi pada data peribadi tersebut, termasuk:

- (a) penyusunan, adaptasi atau pengubahsuaian data peribadi;
- (b) mendapatkan semula, rujukan atau penggunaan data peribadi;
- (c) pendedahan data peribadi melalui penghantaran, pemindahan, penyebaran atau penyediaan; atau
- (d) penajaran, gabungan, pembetulan, pemadaman atau penghapusan data peribadi.

Apabila anda melanggan kepada perkhidmatan kami, atau membuat permohonan untuk mendapatkan apa-apa maklumat daripada kami memasuki urus niaga dan/atau meneruskan langganan kepada perkhidmatan kami, anda bersetuju untuk kami memproses data peribadi anda. Kami boleh mendapatkan data peribadi anda dari diri anda sendiri dan sumber-sumber yang lain termasuk daripada pihak ketiga yang berkaitan dengan anda dan daripada sumber yang lain yang telah anda berikan kebenaran untuk dedahkan data peribadi anda.

Jika terdapat keperluan untuk kami memproses data peribadi sensitif anda, kami akan mendapatkan kebenaran daripada anda sebelum atau ketika kami memproses data peribadi sensitif anda. Kami dibenarkan memproses data peribadi sensitif anda tanpa persetujuan anda dalam keadaan yang dibenarkan oleh undang-undang.

## **2. Pendedahan data peribadi anda**

Dalam menyediakan perkhidmatan kami kepada anda, berkemungkinan akan terdapat keperluan bagi kami untuk mendedahkan maklumat tentang anda dan/atau akaun anda dan/atau fasiliti anda dengan kami kepada pihak ketiga seperti ejen kami, anggota/ahli gabungan kami, pembekal perkhidmatan, pembekal, penjual, rakan kongsi perniagaan, jika perlu dan tertakluk kepada undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau kewajipan) yang tergunapakai kepada CT SABAH.

Kami hanya akan mendedahkan data peribadi anda bagi:

- (i) tujuan pemprosesan data peribadi anda seperti yang telah digariskan dalam Notis Privasi ini;
- (ii) mematuhi mana-mana kewajipan undang-undang atau perintah Mahkamah;
- (iii) tujuan mencegah atau mengesan jenayah;
- (iv) tujuan penyiasatan; atau
- (v) dimana anda telah memberikan kebenaran bagi pendedahan tersebut.

## **3. Hak akses dan pembetulan data peribadi anda**

Melalui permintaan anda, kami akan membantu anda mengakses dan membuat sebarang pembetulan terhadap data peribadi anda yang disimpan kami. Apabila anda ingin mengakses atau membuat pembetulan terhadap mana-mana data peribadi anda (termasuk data peribadi orang yang berkaitan dengan anda atau yang telah dikenalpasti daripada data peribadi anda).

## **4. Melaksanakan pilihan ke atas pendedahan, penyimpanan dan penggunaan data peribadi anda**

Tertakluk kepada hak-hak kami di bawah kontrak dan kewajipan-kewajipan kami di bawah undang-undang dan peraturan yang berkaitan, anda boleh melaksanakan pilihan berkaitan penggunaan atau tahap penggunaan data peribadi anda. Jika anda memilih untuk melaksanakan pilihan tersebut, sila hubungi kami di alamat/nombor telefon yang diberikan di bahagian akhir Notis Privasi ini.

## **5. Data peribadi yang telah diberikan oleh anda dianggap tepat dan lengkap**

Dengan memberikan data peribadi anda kepada kami, anda telah memberi kebenaran kepada kami untuk memproses data peribadi anda menurut Notis Privasi ini, dan anda mengesahkan bahawa kesemua data peribadi yang telah diberikan oleh anda adalah tepat dan lengkap, dan tiada satu pun daripadanya adalah memperdaya atau lapuk. Anda seharusnya mengemaskini sesegera yang mungkin apabila terdapat perubahan ke atas data peribadi anda.

Jika tertera (sebagai contoh di dalam borang permohonan), adalah menjadi tanggungjawab anda untuk memberikan data peribadi anda kepada kami bagi membolehkan kami memproses permohonan anda untuk perkhidmatan kami. Sekiranya anda enggan memberikan data peribadi yang wajib, kami mungkin tidak akan dapat memproses permohonan/permintaan anda atau membekalkan anda dengan perkhidmatan kami. Kegagalan anda berbuat sedemikian akan menyebabkan kami tidak dapat memproses permohonan/permintaan anda atau menyediakan perkhidmatan kami kepada anda.

## **6. Menghubungi CT SABAH berkenaan privasi dan data peribadi anda**

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan Notis Privasi ini atau cara kami menguruskan data peribadi anda, sila hubungi kami melalui:

**Telefon** : 088484999

**Faks** : 088484993

**Alamat** : Lot 100, Block K, Lorong Plaza Permai 2, Alamesra, Sulaman-Coastal Highway,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah.

Sila semak Notis Privasi CT SABAH sebelum memberikan data peribadi anda kepada kami. CT SABAH mempunyai hak untuk mengubah, mengemaskini dan/atau meminda Notis Privasi ini dari masa ke semasa. Dengan cara meneruskan komunikasi atau langganan atau menerima perkhidmatan daripada kami, anda akan dianggap bersetuju dan telah menerima sebarang pindaan tersebut.

## **7. Konflik tafsiran**

Jika terdapat sebarang konflik tafsiran Notis Privasi ini yang ditulis dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi versi Bahasa Malaysia.